



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul ‘Lori Tanah Lalu Kawasan Perumahan’ yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 8 April 2011.

Untuk makluman, semenjak sekitar tahun 2006 PPj kerap menerima aduan berkenaan dengan kejadian banjir di kawasan berkenaan. Walaupun pelbagai langkah penambahbaikan dilaksanakan, didapati kejadian yang sama masih berulang. Justeru, satu mesyuarat penyelarasan bersama juruperunding asal telah dilaksanakan untuk mengkaji semula rekabentuk saliran air permukaan secara menyeluruh di mana penyelesaian jangka panjang telah dicadangkan. Memandangkan sistem saliran sedia ada tidak berupaya lagi untuk menampung jumlah air larian ketika hujan lebat, PPj telah mengeluarkan tender untuk kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan di kawasan berkenaan sebaik sahaja menerima laporan penuh kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak perunding.

Merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh pihak Berita Harian, PPj amat terkilan terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengurus Penduduk di kawasan kejiranannya tersebut yang mana kononnya penduduk **tidak dimaklumkan** tentang kerja-kerja yang sedang berjalan sedangkan satu surat makluman telah dikeluarkan dan ditujukan khas kepada beliau pada 17 Mac 2011 (rujuk Lampiran 1). Wakil kontraktor yang dilantik juga telah berjumpa dengan beliau pada 26 Mac 2011 untuk memaklumkan dan memberi penjelasan berkaitan dengan projek ini. PPj juga telah menghantar satu lagi surat bertarikh 10 Mac 2011 kepada Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Perdana Menteri untuk menyampaikan hasrat yang sama (rujuk Lampiran 2). Justeru itu, surat memohon kebenaran menggunakan kawasan lapang (untuk tujuan *stockpile*) di kawasan rezab di bawah *transmission line* TNB telah dikeluarkan pada 31 Mac 2011 seperti di Lampiran 3.

PPj juga merasa amat kesal kerana penulis artikel ini tidak membuat siasatan yang menyeluruh sehingga melaporkan berita yang tidak berasas, berunsur provokasi dan telah memberi imej yang buruk dan menjelaskan reputasi pihak PPj. Sebagai media arus perdana yang dihormati, pihak Berita Harian sewajarnya menyediakan artikel yang lebih berhemah dan bertanggung jawab.

Sehubungan itu, kerjasama pihak Berita Harian adalah diminta untuk **membuat kajian dan semakan yang terperinci** sebelum sebarang artikel di keluarkan di akhbar pada masa hadapan.



( ZAHARAH SALAMAT )  
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 April 2011

## Lampiran 1

PERBADANAN PUTRAJAYA  
Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
14, Pusat Bandar Putrajaya,  
Presint 3,  
62617 Putrajaya  
MALAYSIA



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kemi : PPj/PEM/JKI/T/14/2010 ( 13 )  
Tarikh : 17 MAC 2011

Tn. Haji. Carlos Najmul Basri B. Najimuddin  
Pengerusi  
Persatuan Penduduk Presint 11 A1  
No. 50, Jalan P11 A1/1, Presint 11  
62300 Putrajaya

Tuan,

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI FASA 1 ZON 2 DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI PRESINT 11, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**  
**-Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat pejabat ini bil PPj/PEM/JKI/T/14/2010 bertarikh 17 Mac 2011 dalam Siri yang sama sebelum ini adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, pihak Perbadanan Putrajaya telahpun memanggil tender dan melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di Fasa 1 Zon 2 bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan berkenaan. Periaksanaan kerja-kerja ini akan bermula pada **28 Februari 2011** hingga **17 Julai 2011**, iaitu selama 5 bulan.
3. Keprihatinan dan kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai. Segala kesultanan amat dikesali.

Sekian, untuk makluman tuan.

**"BANDARAYA BESTARI KEHIDUPAN BERKUALITI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( Ir. MOHD NOR ALIAS )  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Jalan Dan Infrastruktur  
Jabatan Pembangunan Bandar  
b.p. Presiden  
Perbadanan Putrajaya

## Lampiran 2

**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
24, Perintaran Perdana,  
Presint 3,  
62675 Putrajaya  
MALAYSIA



Telefon : 603-8887 7000  
Fax : 603-8887 5000  
Laman Web : www.pbj.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : PPJ/PEM/JKI/T/14/2010 ( 12 )  
Tarikh : 10 MAC 2011

Jabatan Perdana Menteri,  
Bahagian Pengurusan Hartanah  
Aras 4 & 7, Blok B3,  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tuan,

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI FASA 1 ZON 2 DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI PRESINT 11, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**  
**-Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat pejabat ini bil PPJ/PEM/JKI/T/14/2010 bertarikh 10 Mac 2011 dalam Siri yang sama sebelum ini adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, pihak Perbadanan Putrajaya telahpun memanggil tender dan melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di Fasa 1 Zon 2 bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan berkenaan. Perlaksanaan kerja-kerja ini akan bermula pada **28 Februari 2011** hingga **17 Julai 2011**, iaitu selama 5 bulan,
3. Keprihatinan dan kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai. Segala kesulitan amat dikesali.

Sekian, untuk makluman tuan.

**"BANDARAYA BESTARI KEHIDUPAN BERKUALITI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(**MOHD NOR ALIAS**)  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Jalan Dan Infrastruktur

### Lampiran 3

**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3,  
62675 Putrajaya  
MALAYSIA



Telefon : 603-8887 7000  
Fax : 603-8887 5000  
Laman Web : [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : PPj/PEM/JKI/T/14/2010 ( 15 )  
Tarikh : 31 Mac 2011

#### TENAGA NASIONAL BERHAD

Pejabat Pengurus Besar (Putrajaya & Cyberjaya)  
Commercial 1 & 2  
Aras 1, No. 26  
Persiaran Perdana, Presint 3  
62675 Putrajaya  
(u.p : En. Mohd Rosli Bin Husin)

No. Fax: 03-88893588

Tuan,

#### KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI FASA 1 ZON 2 DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI PRESINT 11, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

- Kebenaran Menggunakan 'Reserved Area' TNB Sebagai Kawasan 'Stock Pile'

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di Jalan 11A1, Presint 11 sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir. Kawasan kerja ditapak amat terhad bagi perletakkan bahan-bahan binaan. Sehubungan itu, pihak Perbadanan Putrajaya memohon kebenaran untuk menggunakan kawasan lapang dibawah laluan 'transmission line' (rujuk lampiran) sebagai kawasan 'stock pile'.

3. Dengan itu, diharapkan permohonan ini akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak tuan dan segala kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BANDARAYA BESTARI KEHIDUPAN BERKUALITI"**

Saya yang menurut perintah,

(Mohd Azli Bin Arifin)  
Penolong Pengarah Kanan  
Perbadanan Putrajaya

Akhbar : Berita Harian  
Segmen : Sentral  
M/s : 6  
Tarikh : 8 April 2011

# Lori tanah lalu kawasan perumahan

Oleh Samadi Ahmad  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**P**UTRAJAYA: Penduduk Jalan P11A 1/12, Presint 11, di sini tertanya-tanya mengenai kehadiran lori tanah yang melonggokkan bahan itu di sebuah kawasan lapang di situ sejak seminggu lalu.

Kehadiran lori yang keluar masuk menggunakan jalan di kawasan perumahan itu setiap hari mengundang rasa kurang senang penduduk terutama berkaitan keselamatan kanak-kanak.

Pengerusi Persatuan Penduduk Presint 11, Carlos Basri, berkata kawasan lapang itu juga menjadi tempat kanak-kanak yang tinggal di beberapa rumah persendirian, bermain.

Katanya, penduduk wajar dimaklumkan mengenai kerja berkenaan atau apa yang hendak dibangunkan di kawasan berkenaan kerana khawatir tanah itu dilonggokkan sebagai jalan pintas kontraktor kerana tidak mahu membawa sisa tanah itu keluar dari Putrajaya.

"Kawasan itu dan jalan berdekatan menjadi lokasi kanak-kanak bermain dan kehadiran lori yang sarat dengan tanah



LONGGOKAN tanah berdekatan kawasan perumahan di Presint 11 mencacatkan pemandangan.

amat berbahaya," katanya.

Beliau berkata, persatuan sudah berjumpa dengan kontraktor terbabit dan dimaklumkan syarikat mendapat kebenaran daripada pihak bertanggungjawab untuk melonggokkan tanah di kawa-

san itu.

"Saya juga menghubungi Perbadanan Putrajaya (PPj) supaya menghentikan kerja itu, namun sehingga kini operasi itu masih berjalan," katanya.

Tinjauan Sentral mendapati

ada beberapa longgokan tanah berdekatan kawasan perumahan penduduk yang didakwa sebagai tanah rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Longgokan tanah seperti itu turut mencacatkan pemandangan kawasan perumahan

itu kerana kedudukannya tidak sampai 20 meter dari rumah penduduk.

Usahawan, Amir Ali, 35, berkata kerja itu perlu dihentikan kerana ia bukan sekadar membahayakan nyawa penduduk, malah turut memberi kesan buruk kepada jalan raya di situ.

Katanya, keadaan jalan juga menjadi kotor apabila sisa tanah tumpah dari lori selain boleh menyebabkan jalan raya rosak.

Suri rumah, S Selvaranee, 47, berkata isu berkenaan banyak diperkatakan penduduk kerana kehadiran lori tanah itu menyebabkan bunyi bising dan mencemarkan udara di kawasan perumahan itu.

Katanya, kawasan perumahan itu tidak sesuai dijadikan tempat pembuangan tanah kerana penduduk, terutama kanak-kanak sukar untuk bergerak bebas selain menimbulkan kerisauan ibu bapa.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mengarahkan kerja itu dihentikan kerana kelak ada pihak lain pula yang melonggokkan tanah di kawasan itu," katanya.